

Ulasan Buku/ *Book Review*

Migrasi dan Keselamatan (Migration and Security)

Oleh Zarina @Zairina Othman dan Nor Azizan Idris (peny.), Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.

ISBN: 978-983-49-0055-7

Buku *festschrift* ini adalah koleksi bab hasil dari projek penyelidikan.¹ Bab dalam buku ini menyentuh mengenai tema migrasi dan isu-isu yang berkaitan dengan keselamatan di Asia Tenggara amnya dan Malaysia khususnya. Buku ini mengandungi sembilan bab, ditulis oleh sarjana Nusantara khususnya dari Malaysia. Antaranya, Azizah Kassim, Zarina Othman, Nor Azizan Idris, Sity Daud, Rohani Abdul Rahim, Salawati Mat Basir dan bakal sarjana seperti Kamaruddin Abu Bakar, Intan Suria Hamzah dan Muhammad Afiq Ahmad Tajuddin.

Walaupun mengkaji dari aspek yang berbeza, ancaman bukan ketenteraan sering dibincangkan di peringkat 'politik tinggi' dan merangkumi persoalan keselamatan. Migrasi dan keselamatan saling berkaitan kerana migrasi dalam bentuk di luar kebiasaan dianggap sebagai satu ancaman keselamatan. Definisi migrasi menjadi semakin luas apabila isu ini turut dibangkitkan dalam cabaran keselamatan bukan tradisional. Isu migrasi tidak lagi tertumpu pada soal penghijrahan semata, kerana kini ianya turut melibatkan isu-isu seperti pemerdagangan dan penyeludupan (manusia, dadah, senjata, dan lain-lain), ditambah dengan kehadiran sindiket jenayah terancang antarabangsa.

Menerusi bab Migrasi Antarabangsa dan Keselamatan di Malaysia: Daripada Keperluan Sosio Ekonomi kepada Perspektif Keselamatan dan bab Pemerdagangan Orang dan Keselamatan Insan di Malaysia ditulis oleh Zarina Othman, Nor Azizan Idris dan Mohd Kamal Omar mendedahkan bahawa kemasukan migran asing dalam skala yang besar boleh mencabar keselamatan nasional terutamanya dalam sektor sosio-ekonomi. Malaysia dilihat wajar untuk mensekuritisakan isu migrasi bagi menjamin keselamatan sempadan dan kedaulatan wilayahnya dengan lebih berkesan. Walau bagaimanapun menurut kajian, langkah ini hanya dapat direalisasikan sekiranya kerajaan berupaya untuk menggembleng usaha secara bersepadu dan komprehensif di peringkat nasional mahupun rantau.

Manakala bab yang ditulis oleh Azizah Kassim pula membincangkan bagaimana isu multidimensi migrasi mampu mencabar keselamatan negara terutamanya dalam segmen masyarakat, ekonomi dan politik. Dapatan kajian beliau menjelaskan secara komprehensif bagaimana kebergantungan negara kepada pekerja asing untuk tujuan pembangunan sosio-ekonomi akhirnya memberi kesan keselamatan yang nyata kepada negara. Instrumen perundangan penting dalam menjamin keselamatan sempadan dan kedaulatan negara. Pembentukan dasar haruslah mampu untuk membuat perancangan yang strategik bagi mengimbangi keperluan tenaga kerja asing dan tenaga kerja tempatan.

Bagi bab Pendatang Asing Tanpa Izin Myanmar di Malaysia: Satu Tinjauan Awal oleh Sity Daud dan Intan Suria Hamzah membincangkan isu pendatang asing secara terkawal sememangnya memberi kesan positif kepada pembangunan negara dalam sektor pertanian dan pembinaan. Namun kebanjirannya turut memberikan ancaman keselamatan sosio-ekonomi dan peningkatan masalah gejala sosial tempatan serta isu jenayah terancang antarabangsa. Kajian ini melihat dari lensa pendatang asing tanpa izin Myanmar di Malaysia.

Menerusi bab Pemakaian Undang-undang Keselamatan dalam Konteks Rentas Sempadan di Malaysia oleh Rohani Abdul Rahim, Muhammad Afiq Ahmad Tajuddin dan Kamaruddin Abu Bakar pula merencanakan mengenai perundangan sebagai instrumen penting yang dapat disalurkan kepada pembentukan dasar lebih efisien dalam menangani isu migrasi rentas sempadan di Malaysia. Sistem perundangan Malaysia yang sedia ada sudah mencakupi peruntukkan perlindungan hak pekerja asing dan tempatan. Namun Malaysia masih perlu mengkaji semula sistem tadbir urus hal-ehwal migran asing dalam sektor pekerjaan semasa bagi menjamin keselamatan negara.

Berbeza dengan bab yang lain, Salawati Mat Basir memberikan penilaian kepada hak untuk bekerja kepada pelarian-pelarian di Malaysia. Ketiadaan peruntukan undang-undang dan hak untuk bekerja meletakkan pelarian-pelarian di Malaysia terdedah kepada kancas pekerjaan tidak formal. Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan pelarian yang bekerja dalam kategori tidak formal mengundang bahaya keselamatan fizikal dan degradasi martabat peribadi pelarian sebagai seorang manusia.

Justeru, bab Piawaian Antarabangsa dalam Pengurusan Pekerja Migran -- membincangkan kesinambungan usaha organisasi antarabangsa dalam memperjuangkan hak asasi pekerja asing. Walaupun kerajaan Malaysia mendukung piawaian-piawaian tersebut, namun negara masih bersikap berhati-hati kerana ia berkait rapat dengan masalah rentas sempadan. Pekerja asing di Malaysia seharusnya ditadbir urus berdasarkan garis panduan yang ditetapkan piawaian antarabangsa dengan amalan-amalan yang sesuai oleh negara ini.

Keseluruhannya, buku suntingan ini pada asasnya boleh dianggap sebagai sebuah karya penting yang berjaya dari segi pendedahan kajian kes migrasi yang berlaku di Nusantara khususnya. Ini kerana ia ditulis oleh para sarjana dari Nusantara dan menurut perspektif lokal. Ia merupakan suatu nilai tambah kepada percambahan skop ilmu bidang migrasi dan keselamatan, kerana sebelum ini kajian yang dilakukan bersumberkan kepada pandangan pakar Barat. Namun, pembaikan yang boleh dilakukan bagi kajian pada masa hadapan adalah dengan memperluaskan skop kajian mengikut negara-negara di Asia Tenggara dan menggunakan data-data yang lebih terkini.

Akhir kata, karya ini merupakan suatu kejayaan bagi sarjana-sarjana kumpulan kajian migrasi dan keselamatan Nusantara. Hal ini kerana, ia ditulis menggunakan bahasa utama Nusantara sekali gus memartabatkan bahasa Melayu dalam kajian keselamatan insan. Oleh itu, diharapkan penghasilan buku-buku ilmiah berkenaan Hubungan Antarabangsa dan Keselamatan dalam bahasa utama Nusantara diperhebat lagi di masa-masa akan datang dan selari dengan penerbitan antarabangsa. Ia merupakan suatu manfaat yang besar kepada para akademik dan pelajar di Nusantara.

NOTES

¹ Dana Pembangunan Penyelidikan (DPP) UKM di bawah Kluster Keselamatan Insan.

Aini Fatimah Roslam
Pusat Penyelidikan Sejarah, Politik dan Keselamatan (POSH)
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor
Malaysia
E-mail: ainifatimah@yahoo.com

Firdaus Misran
Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor
Malaysia
E-mail: daus.uitm14@yahoo.com